

KEPERLUAN PEMBELAJARAN ANDRAGOGI DALAM PEMBANGUNAN
KAPASITI INDIVIDU OPERATOR HOMESTAY

NOR HAIRUL BIN PALAL

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah
Doktor Falsafah (Perancangan Bandar dan Wilayah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

DISEMBER 2018

DEDIKASI

Teristimewa khas untuk

Ayahanda dan Bonda tercinta,
Allahyarham Palal Bin Tamin dan Allahyarhamah Tiamah Binti Sahdan

Bapa Mertua dan Ibu Mertua tersayang
Allahyarham Mohamad Mokhtar Bin Sairun dan Siti Fatimah Binti Md Hassan

Isteri yang tersayang
Hafizah Binti Mohamed Mokhtar

Anak-anak yang dikasihi
Nur Hanis Binti Nor Hairul
Nur Hanin Binti Nor Hairul
Nur Hani Binti Nor Hairul
&
Muhammad Hafiz Bin Nor Hairul

Serta kepada penyelia
Prof. Amran Bin Hamzah

Doa, kesabaran serta sokongan kalian adalah kekuatan buat ayah untuk menyiapkan
tesis ini

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpahan kurniaan dan rahmat dari Nya, akhirnya saya dapat menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kedua ibu bapa, isteri dan adik beradik saya yang sentiasa memberi dorongan dan motivasi serta memberi kepercayaan penuh kepada saya. Tanpa sokongan mereka saya tidak akan berada di sini.

Dengan hati yang tulus ikhlas, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia Prof Amran Hamzah atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini. Beliau juga banyak memberi peluang kepada saya untuk memberanikan diri dalam melakukan pembentangan mahupun di dalam mengolah penulisan kajian ini.

Saya juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada teman-teman yang sanggup berkongsi ilmu, maklumat dan segala bentuk bantuan yang diperlukan bagi menghasilkan tesis ini. Segala bantuan yang diberikan amatlah saya hargai. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat di dalam penghasilan tesis ini sama ada secara langsung atau pun tidak. Kesudian anda amat saya hargai

ABSTRAK

Homestay merupakan produk pelancongan luar bandar yang mendapat sambutan dari pelancong. Pada tahun 2016 seramai 410,522 orang pelancong tempatan dan antarabangsa dicatatkan telah mengunjungi homestay dengan jumlah kutipan sebanyak RM 27,716,894.00. Sehingga kini seramai 3,994 orang operator homestay telah mendaftar dengan MOTAC. Namun kelemahan di dalam pembangunan homestay adalah dari aspek pembangunan kapasiti komuniti yang melibatkan pembangunan latihan kepada operator homestay yang berusia untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. Oleh yang demikian, kajian dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan latihan menerusi pendekatan andragogi dan menghubungkait Model Perubahan Lewin dengan pembangunan kapasiti komuniti. Bagi menjalankan kajian ini, pendekatan kualitatif telah digunakan di mana sesi temu bual separa berstruktur digunakan sebagai sumber utama. Manakala, pemerhatian dan analisa dokumen digunakan sebagai sumber sekunder di dalam instrumen kajian. Seramai 50 responden ditemu bual dari kalangan operator homestay, penyelarass homestay dan agensi kerajaan. Hasil temu bual dianalisis menggunakan Perisian Atlas Ti7 dan menghasilkan 3 tema keberkesanan pendidikan orang dewasa. Hasil kajian menunjukkan proses perubahan membantu pembangunan kapasiti menerusi latihan secara andragogi. Malah, dapatan menunjukkan menerusi 3 fasa dalam model perubahan mendapati fasa pembekuan semula terdapat kelemahan akan keberkesananannya yang perlu dilakukan penambahbaikan terhadapnya.

ABSTRACT

Homestay is widely known as a rural tourism product that is high in popularity and well-received among tourists. In the year 2016, visits of 410,522 local and international tourists had recorded a collected total of RM 27,716,894.00. Until today, a total of 3,994 homestay operators are registered with MOTAC. However, several weaknesses in homestay development comprised aspects of community capacity development that involved training development towards senior homestay operators in increasing service quality. Hence, the research is conducted for purpose of identifying training effectiveness via the andragogy approach, and linking of Lewin Change Management Model's together with community capacity development. For this research, a qualitative approach is utilized in a form of a semi-structured interview session as the primary source, while document monitoring and analysis is applied as a secondary source in the research instrument. A total of 50 respondents were interviewed among homestay operators, homestay coordinators, and Government agencies. Interview results were analysed using Atlas Ti7 Software and subsequently produced 3 themes of adult education effectiveness. Results of study indicated that the change process assisted in capacity development through andragogy training. In fact, findings via 3 phases of the change model discovered a weakness in the restoration phase in aspects of effectiveness, and which require improvement.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	PENGISTIHARAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian	3
	1.3 Persoalan Kajian	8
	1.4 Objektif	9
	1.5 Skop Dan Batasan Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	11
	1.7 Kerangka Konsep Kajian	14
	1.8 Struktur Tesis	16

2	SOROTAN KAJIAN	19
2.1	Pengenalan	19
2.2	Pelancongan Berasaskan Komuniti	20
	2.2.1 Kepentingan Latihan dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti	22
2.3	Homestay	23
2.4	Perkembangan Dan Pembangunan Homestay Di Malaysia	25
	2.4.1 Peranan Kerajaan	29
	2.4.2 Peranan Operator Homestay	33
2.5	Pembinaan Keupayaan Kapasiti Komuniti	35
	2.5.1 Pembangunan Kapasiti Individu	38
	2.5.2 Pembangunan Kapasiti Organisasi	40
	2.5.3 Pembangunan Kapasiti Komuniti	42
2.6	Pembangunan Kapasiti Di Homestay	46
2.7	Pembangunan Latihan Di Homestay	52
	2.7.1 Pembangunan Latihan Di Homestay Menerusi Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)	52
	2.7.2 Pedagogi	56
	2.7.3 Andragogi	58
2.8	Kepentingan Andragogi Dalam Pembangunan Homestay	70
2.9	Pembangunan Homestay Menerusi Model Perubahan	74
	2.9.1 Proses Pencairan (<i>Unfreeze Process</i>)	77
	2.9.2 Proses Peralihan (<i>Change Process</i>)	78
	2.9.3 Proses Pembekuan Semula (<i>Refreezing</i>)	80
2.10	Kesimpulan	82
3	METODOLOGI KAJIAN	85
3.1	Pengenalan	85
3.2.	Reka Bentuk Kajian	85
	3.2.1 Peringkat Awal Kajian	87
3.3	Pemilihan Tempat Kajian	88

3.4	Prosedur Pemilihan Responden Kajian	91
	3.4.1 Kriteria Responden Pemegang Taruh Dari Agensi Kerajaan	94
	3.4.2 Kriteria Responden Penyelaras Homestay	95
	3.4.3 Kriteria Responden Operator Homestay	96
3.5	Instrumen Kajian	99
	3.5.1 Pengumpulan Data Menerusi Sesi Temu Bual	100
	3.5.2 Pengumpulan Data Menerusi Pemerhatian Lapangan	102
	3.5.3 Pengumpulan Data Menerusi Penulisan Dokumen	103
3.6	Prosedur Penganalisan Data	105
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	111
3.8	Kesimpulan	114
4	DAPATAN KAJIAN	115
4.1	Pengenalan	115
4.2	Profil Peserta Kajian	116
4.3	Pengurusan Latihan	117
	4.3.1 Organisasi Yang Menawarkan Latihan Kepada Operator Homestay	118
	4.3.2 Pembangunan Modul Latihan oleh INFRA dan MOTAC	122
	4.3.3 Pemilihan Penceramah dalam Latihan	126
	4.3.4 Pemilihan Peserta dari Kalangan Operator Homestay	129
	4.3.5 Kesesuaian Tempoh Latihan untuk Golongan Dewasa	136
4.4	Penceramah	140
	4.4.1 Pengetahuan Penceramah	140
	4.4.2 Keberkesanan Penceramah Terhadap Sesi Latihan	144
	4.4.3 Interaksi Antara Penceramah dan Peserta dalam Meningkatkan Keberkesanan Latihan	146
4.5	Pelaksanaan Kaedah Latihan untuk Orang Dewasa Di Homestay	151
	4.5.1 Pendekatan Latihan Secara Teori Di Dalam Kelas	151
	4.5.2 Pendekatan Latihan Secara Di Luar Kelas	166

4.6	Keperluan Perubahan dalam Pembangunan Homestay	175
4.6.1	Proses Pencairan dalam Perubahan Pembangunan Homestay	175
4.6.2	Proses Peralihan dalam Perubahan Pembangunan Homestay	177
4.6.3	Proses Pembekuan Semula dalam Perubahan Pembangunan Homestay	179
4.7	Pengesahan Responden Terhadap Dapatan Kajian	181
4.8	Kesimpulan	185
5	PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI	187
5.1	Pengenalan	187
5.2	Inisiatif Agensi Kerajaan untuk Pembangunan Homestay di Malaysia	187
5.2.1	Peranan Agensi Kerajaan dalam Pengurusan Latihan Menerusi Andragogi	188
5.2.2	Kualiti Latihan menerusi Pengurusan Latihan yang berkesan	192
5.2.3	Pembangunan Modul Latihan kepada Operator Homestay	197
5.3	Pembangunan Keupayaan Kapasiti Individu bagi Operator Homestay Menerusi Latihan	210
5.3.1	Pembangunan Pengetahuan Operasi Pelancongan	210
5.3.2	Peningkatan Kemahiran dalam Pembangunan Diri Operator Homestay	212
5.3.3	Keberkesanan Pembangunan Kemahiran Penyelesaian Masalah	214
5.4	Pembangunan Homestay menerusi Latihan yang Diberikan kepada Operator Homestay	216
5.4.1	Kepentingan Latihan Dalam Pengurusan Pelancong	217
5.4.2	Pembangunan Produk Pelancongan menerusi Idea Baru	218
5.4.3	Peningkatan Kualiti Perkhidmatan dalam Menjaga Imej Homestay	221

5.5	Keperluan Pendekatan Latihan dalam Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Di Kalangan Operator Homestay	223
5.5.1	Peranan Penceramah dalam Sesi Latihan yang Berkesan	224
5.5.2	Kesediaan Peserta Latihan Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Diri	226
5.6	Mengaplikasikan Model Perubahan dalam Pembangunan Kapasiti di Homestay	229
5.6.1	Perubahan Operator Homestay menerusi Proses Pencairan (<i>unfreeze Process</i>)	230
5.6.2	Proses Peralihan (<i>Change Process</i>) dalam Membangunkan Kualiti Operator Homestay	233
5.6.2	Mengekalkan Perubahan menerusi Proses Pembekuan Semula (<i>Refreezing</i>)	236
5.7	Implikasi Kajian	239
5.7.1	Implikasi dari Aspek Teori	239
5.7.2	Implikasi Terhadap Amalan	241
5.7.3	Saranan kepada Pihak Berkepentingan	243
5.8	Cadangan Kajian Lanjutan	247
5.9	Penutup	248
	RUJUKAN	251

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Ciri-ciri homestay di pelbagai buah negara.	24
2.2	Statistik Homestay Di Malaysia sehingga Disember 2017	30
2.3	Rancangan Malaysia dalam Pembangunan Program Homestay	31
2.4	Kementerian yang terlibat dalam memberikan Pendidikan Sepanjang Hayat	54
2.5	Senarai Kursus yang Diberikan bagi Setiap Negeri untuk Tahun 2011 hingga 2014	Error! Bookmark not defined.
3.1	Senarai Homestay yang terlibat dan Rasional Pemilihan dalam Kajian	90
3.2	Bilangan Responden Mengikut Kategori	93
3.3	Senarai Responden Kajian	98
3.4	Instrumen Kajian	99
3.5	Senarai Responden yang terlibat dalam pengesahan semula maklumat	114
4.1	Dapatan Organisasi yang Menawarkan Latihan dan Kursus yang Dihadiri	118
5.1	Perbandingan Kursus Asas Homestay, Kursus SKM Tahap 2 dan Tahap 3	202
5.2	Perbezaan hasil dapatan latihan di antara Kursus Mesra Malaysia dan Kursus <i>We Are The Host</i> .	202
5.3	Persepsi Peserta Kursus mengenai Kesesuaian Kursus yang Ditawarkan	206

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Kerangka Konsep Kajian	16
1.2	Carta Alir Penyelidikan	18
2. 1	Jumlah Homestay mengikut Negeri di Malaysia	25
2. 2	Jumlah kehadiran Pelancong Ke Homestay bagi Tahun 2010 - 2016	26
2.3	Jumlah Pendapatan Homestay bagi Tahun 2010- 2016	27
2.4	Carta Alir Pendaftaran Homestay	32
2.5	Tahap Pembangunan Kapasiti Masyarakat	37
2.6	Rantaian Pembangunan Kapasiti Komuniti	45
2.7	Penyertaan Komuniti dalam Rantaian Pembangunan Pelancongan	46
2.8	Peratus Migrasi dalam Negeri bagi Tahun 2012 - 2014	48
2.9	Peratus Umur Operator Homestay di Negeri Johor	49
2.10	Peratus Umur Operator Homestay di Negeri Melaka	50
2.11	Dimensi Pembelajaran Kendiri	59
2.12	Amalan di dalam Andragogi	69
2.13	Peratus Kehadiran Pelancong Tempatan dan Antarabangsa di Homestay, Malaysia bagi Tahun 2012 – 2016	71
2.14	Model Perubahan Lewin (1947)	77
3.1	Pemilihan Reka Bentuk dan Kaedah Pengumpulan Data	86
3.2	Proses ‘ <i>snowball</i> ’ dalam Menentukan Responden Kajian	91
3.3	Agensi Kerajaan yang Terlibat dalam Kajian	95
3.4	Logo Homestay dari Tahun 2000 - 2015	104
3.5	Logo Homestay dari Tahun 2014 - kini	104
3.6	Proses Kutipan Data Menerusi Kerja Lapangan	105

3.7	Proses Analisis Data Kualitatif	107
3.8	Tiga Tema Kajian Keberkesanan Pendidikan Orang Dewasa	109
3.9	Tema Kelompok dalam Penghasilan Tema Pengurusan Latihan	110
3.10	Tema Kelompok dalam Penghasilan Tema Pendekatan Penceramah	110
3.11	Tema Kelompok dalam Penghasilan Tema Kaedah Latihan	111
4.1	Responden dari Kategori Penyelaras dan Operator Homestay	116
4.2	Responden dari Kategori Agensi Kerajaan	116
4.3	Responden yang Mengesahkan Dapatan Kajian	117
4.4	Carta Alir Permohonan Kursus Asas Homestay	130
4.5	Carta Alir Proses Penawaran Latihan Kepada Operator Homestay	133
4.6	Ringkasan Kajian Hasil Dapatan Temu bual	182
5.1	Jumlah Peserta Kursus ' <i>We Are The Host</i> ' Mengikut Negeri	222
5.2	Hubungan diantara Teori Perubahan Lewin dengan Pembangunan kapasiti di Homestay	230

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Senarai Penuh dan Latar Belakang Responden	271
B	Pengesahan Data Temu Bual oleh Responden Kajian	285
C	Soalan Kajian	286
D	Contoh Transkrip	290

SENARAI SINGKATAN

MOTAC	-	Kementerian pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
INFRA	-	Institut kemajuan Luar Bandar dan Desa
KePKAS		Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah
IRDA	-	Iskandar Regional Development Authority
LADA	-	Langkawi Development Authority
KEDA	-	Kedah Regional Development Authority
ECER		Wilayah Ekonomi Pantai Timur
NCER		Wilayah Ekonomi Koridor Utara
IM		Iskandar Malaysia
CDC		Koridor Pembangunan Sabah
CBT	-	Comunity Based Tourism
CB		Capacity Building
RMK	-	Rancangan Malaysia ke-
RM	-	Ringgit Malaysia
PSH	-	Pendidikan Sepanjang Hayat
LLL	-	Lifelong Learning
NGO	-	Non- Governmental Organization
DFID	-	Department of International Development
My3L	-	Malaysia's Life Long Learning
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia

JKKK	-	Jawatankuasa Kerja kampung
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
UiTM	-	Universiti Teknologi MARA
TOT	-	Training of Trainer
CSR	-	Community Service Responsibility
USM	-	Universiti Sains Malaysia
FELCRA		Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
RISDA		Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
MWW		Malaysia Welcomes The World

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Industri pelancongan di Malaysia semakin membangun dari masa ke semasa. Pembangunan ini membantu menarik ramai pelancong dari seluruh dunia memilih Malaysia untuk menjadi destinasi pelancongan mereka. Kehadiran pelancong ke Malaysia bukan hanya mampu meningkatkan statistik kehadiran pelancong namun ia membantu membawa aliran wang masuk ke dalam negara Syed Zamberi et.al. (2014). Sehubungan itu, industri pelancongan ini merupakan industri yang bertindak sebagai penyumbang yang tinggi kepada pendapatan negara dan dalam masa yang sama ia membantu meningkatkan pendapatan kepada mereka yang terlibat dengan industri ini sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung.

Pembangunan industri pelancongan perlu dijaga dan dibentuk agar perkembangannya sejajar dengan keperluan semasa. Produk pelancongan berasaskan komuniti merupakan antara produk yang mendapat perhatian pelancong kerana ia produk yang meliputi aspek ekonomi, alam sekitar, sosial dan kebudayaan. Homestay merupakan sebahagian produk pelancongan berasaskan komuniti yang terdapat di Malaysia. Produk pelancongan ini telah diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1995 oleh Kementerian Pelancongan Malaysia (Jabil et. al. 2015). Pembangunan produk pelancongan homestay ini perlu dipertingkatkan kualitinya kerana sejak bermula dari tahun 1995 – kini terdapat pelbagai pembangunan telah berlaku.

Keistimewaan produk homestay adalah dikendalikan oleh komuniti setempat. Walaupun mereka pada asalnya tidak mempunyai pengalaman dalam industri hospitaliti, namun menerusi pelbagai latihan yang diberikan menjadikan mereka merupakan komuniti yang mampu mengendalikan industri pelancongan ini. Pendekatan latihan yang bersesuaian perlu diberikan kerana kebanyakan operator homestay merupakan mereka yang berumur. Oleh yang demikian, pendekatan pembelajaran bagi golongan dewasa (andragogi) perlu diperkenalkan kerana golongan dewasa ini mempunyai matlamat dan objektif yang tersendiri berbanding dengan golongan remaja Cyprian (2012).

Proses memberi latihan ini merupakan satu proses yang membantu perubahan kepada operator homestay. Proses perubahan ini perlu diberi perhatian bagi memastikan ia merupakan proses yang tersusun dan bersistematik. Teori Perubahan Lewin merupakan antara teori perubahan yang sering dijadikan sebagai rujukan. Teori Perubahan Lewin ini melibatkan 3 fasa dalam perubahan yang perlu dilaksanakan iaitu proses pencairan, peralihan dan pembekuan semula (Blomqvist, 2017 dan Lewin, 1947). Fasa Proses Pencairan merupakan fasa yang penting dan ia selaras dengan proses pembangunan kapasiti. Pada fasa proses pencairan ini, latihan merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mendedahkan komuniti dengan pengetahuan dan kemahiran. Seiring dengan proses pembangunan kapasiti, latihan harus diberi penekanan kepada pendekatan andragogi agar sejajar dengan usia operator homestay.

Kepentingan proses perubahan ini juga merupakan keperluan kepada proses pembangunan kapasiti. Pembangunan kapasiti individu dilihat merupakan perkara utama yang perlu dibantu bagi meningkatkan kefahaman dan keyakinan individu dalam mengoperasi industri pelancongan homestay. Individu ini perlu dibekalkan dengan latihan yang berbentuk kefahaman dan kemahiran menerusi pendekatan andragogi agar mereka boleh membentuk komuniti dan organisasi yang berjaya. Kejayaan homestay perlu dikekalkan menerusi sesi latihan yang berterusan. Namun disebabkan kos memberi latihan adalah tinggi maka adalah cukup penting untuk memastikan keberkesanan latihan diutamakan. Maka proses menyediakan latihan

perluah menitikberatkan dari pelbagai aspek seperti jenis latihan yang akan diberikan, peserta yang akan menjalani latihan, lokasi dan keperluan setempat. Pemahaman keperluan latihan dijangka akan membantu mengurangkan pembaziran di samping meningkatkan kualiti peserta latihan.

1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian

Latihan merupakan keperluan yang perlu ada dalam pembangunan kapasiti. Dalam konteks homestay, MOTAC merupakan agensi utama yang menawarkan kursus kepada operator homestay. Walaupun pelbagai kursus telah diberikan namun perubahan pembangunan kapasiti hasil dari latihan yang diberikan masih kurang terutamanya yang melibatkan operator homestay yang terdiri dari golongan dewasa. Merujuk kepada kajian-kajian lepas menunjukkan kursus yang diberikan mempunyai kelemahan bagi meningkatkan pembangunan kapasiti individu. Merujuk kepada Cyprian (2012), kajian yang dijalankan melihat kelemahan yang ketara dalam pendekatan kursus yang kurang berkesan kepada golongan dewasa di homestay yang menghadiri latihan.

Perbincangan yang sering dilakukan oleh ramai pengkaji adalah melihat kepada keperluan pembinaan keupayaan kapasiti menerusi latihan. Jurang yang di lihat adalah bentuk pelaksanaan latihan yang tidak mesra kepada golongan dewasa. Kelemahan ini merupakan antara faktor yang menyebabkan kurang keberkesanan kepada latihan yang diberikan. Kebanyakan pengkaji menyatakan bahawa walaupun operator homestay dibekalkan dengan pelbagai latihan namun pembangunan homestay masih pada tahap rendah. Permasalahan ini dibincangkan oleh beberapa pengkaji seperti Amin et.al. (2013), Razzaq et al. (2011) dan Liu, (2006) yang melihat kursus berbentuk kemahiran perlu diberikan kepada operator homestay. Ini kerana golongan dewasa lebih mudah memahami ilmu yang diberikan dalam bentuk kemahiran. Syed Zamberi et al. (2014) pula berpandangan bahawa keperluan kursus

adalah cukup penting dalam memenuhi cabaran kepada perniagaan homestay untuk terus maju. Keperluan kursus dan pendekatan yang tepat menjadi adalah penting untuk memastikan kursus yang diberikan dapat diterima sepenuhnya oleh operator homestay. Oleh yang demikian, adalah perlu memastikan pendekatan yang sesuai dengan tahap umur peserta dan memastikan hasil dari latihan dapat digunakan secara berkesan kepada pembangunan homestay.

Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh MOTAC dan pelbagai agensi lain untuk meningkatkan pembangunan kapasiti homestay menerusi latihan namun terdapat satu lagi jurang yang perlu dikaji di antara pembangunan kapasiti dengan proses perubahan yang perlu dilakukan. Seajar dengan latar belakang operator homestay yang kurang pengetahuan dalam bidang pelancongan, maka pengukuhan perlu dilakukan di peringkat akar umbi komuniti dengan memastikan mereka memahami sepenuhnya kesan kepada perubahan yang akan mereka terima selepas terlibat dengan industri pelancongan. Satu proses tambahan perlu dilakukan dalam mengubah persepsi komuniti homestay ini agar mereka boleh melestarikan program homestay selepas terlibat secara sepenuhnya. Malah mereka perlu diberi pengukuhan bahawa industri pelancongan ini merupakan satu perniagaan perhidmatan yang perlu penglibatan semua pihak dan tidak boleh dikendalikan secara individu.

Kajian yang dijalankan ini melihat berlakunya kelemahan di dalam membangunkan kapasiti. Merujuk kepada prinsip pembinaan keupayaan, pembangunan kapasiti individu perlu dibangunkan dengan lebih bersistematik. Hal ini dilihat apabila pembangunan kapasiti individu adalah lemah, secara langsung ia akan memberi kesan kepada pembangunan kapasiti organisasi dan kapasiti komuniti. Merujuk kepada kajian yang dijalankan di homestay, operator homestay merupakan pemain utama industri pelancongan namun mereka tidak mempunyai asas dalam industri pelancongan. Sehubungan itu, latihan merupakan satu keperluan untuk mereka meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka di dalam industri pelancongan. Walau bagaimanapun, kekangan yang di lihat adalah majoriti operator homestay merupakan golongan dewasa yang berumur 40 tahun dan ke atas. Mereka mempunyai minat untuk meningkatkan pengetahuan tetapi sekiranya pendekatan

latihan yang kurang berkesan, ia akan menyebabkan hasil kepada objektif latihan adalah kurang tercapai.

Ramai pengkaji sebelum ini melihat permasalahan latihan yang berkaitan dengan aspek pembangunan komuniti dalam aktiviti pelancongan di homestay. Permasalahan yang dilihat merujuk kepada aspek pembangunan latihan di dalam komuniti. Briones et al. (2017) melihat kelemahan pengurusan dalam memberi latihan kepada komuniti untuk memastikan komuniti dibekalkan dengan pengetahuan dalam bidang pelancongan. Isu ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Chili, (2016), Lo et.al. (2013), Abdul Rasid et al. (2012) dan Sebele (2010). Malah beberapa pengkaji terdahulu seperti Mtapuri et. al. (2015), Mahadi Hasan et.al. (2015), Rosazman & Velan (2014) dan Chantraprayoon & Sasiphalin (2013) yang melihat keperluan pembangunan keupayaan kapasiti komuniti ini kepada skop yang merujuk kepada produk pelancongan iaitu homestay. Selain dari itu, permasalahan yang sering ditimbulkan oleh ramai pengkaji adalah walaupun pelbagai latihan yang dibekalkan kepada operator homestay namun mereka masih menyatakan keperluan latihan perlu dibekalkan dari masa ke semasa.

Pembangunan keupayaan kapasiti komuniti perlu melibatkan semua peringkat di dalam sesebuah komuniti, walau bagaimanapun menerusi kajian yang dijalankan oleh Kayat & Nor (2005) mendapati wujudnya kelemahan di mana kebanyakan perancangan dan idea hanya diterajui oleh pemimpin dan pengasas homestay sahaja, malah beliau juga mendapati berlakunya peluang yang tidak sama rata di antara operator homestay untuk menerima pelancong tinggal bersama mereka. Penambahbaikan dari aspek sebegini perlu dilakukan menerusi pendekatan yang paling berhemah agar perubahan yang diperlukan dapat dilakukan sebaiknya. Pendekatan yang terbaik yang sesuai digunakan adalah menerusi latihan. Pemahaman pembangunan kapasiti bukan hanya dilaksanakan di peringkat pengurusan sahaja, namun pandangan dari pelbagai pihak perlu dilakukan untuk memastikan kelestarian homestay dapat dikekalkan.

Kaedah pendekatan latihan yang kurang sesuai dan pemahaman terhadap input latihan yang lemah antara punca yang menyebabkan mereka sukar untuk menerima sebarang perubahan yang dirancang oleh organisasi homestay. Merujuk kepada teori perubahan, pengetahuan dan pemahaman kepada individu perlu diperkukuhkan sebelum perubahan yang dirancang akan dilaksanakan (Kakucha, 2015). Syed Talib et al. (2017) menegaskan kelemahan yang berlaku dalam proses perubahan ini adalah pemahaman komuniti untuk melihat hubung kait di antara proses dengan proses yang berikutnya. Dalam konteks homestay, operator homestay tidak jelas hubungan di antara apa yang dipelajari semasa kursus dengan keperluan realiti homestay sebenar. Kesannya, kemungkinan untuk mereka menolak perancangan pembangunan komuniti adalah tinggi. Oleh yang demikian, golongan dewasa memerlukan proses latihan yang mampu memberikan kefahaman kepentingan kursus yang dihadiri dan disesuaikan dengan pendekatan kursus yang bersesuaian dengan orang dewasa.

Memahami keperluan pendekatan latihan kepada golongan dewasa akan membantu mereka menerima latihan yang diberikan dengan berkesan (Polson, 1993). Kajian yang dijalankan oleh beberapa pengkaji seperti Rismiyanto et al. (2017), Knowles, et. al. (2005), Merriam (2001) dan Lindeman (1926) melihat golongan dewasa memerlukan satu bentuk pendidikan yang bersesuaian dengan umur mereka iaitu melalui pendekatan andragogi. Melalui pendekatan andragogi, golongan dewasa lebih selesa untuk menjalani proses pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan mereka.

Komunikasi merupakan keperluan latihan yang perlu diberikan kepada operator homestay. Beberapa pengkaji tempatan melihat wujudnya kepentingan latihan dalam penambahbaikan pengurusan homestay (Kunjuraman & Rosazman, 2017; Yusof et.al., 2012 dan Abdul Rasid et al., 2011). Hal ini merujuk kepada ramai operator homestay mempunyai masalah dalam komunikasi bersama pelancong, Mereka tidak mempunyai kemahiran untuk menerangkan produk pelancongan yang terdapat di persekitaran kampung mereka dengan baik. Pandangan tersebut dipersetujui oleh Abdul Rasid et. al. (2011) dalam kajian beliau mengenai pembangunan kapasiti komuniti di Homestay Miso Walai Sabah kerana pada

pandangan beliau, kelemahan dalam pengetahuan mengenai pelancongan akan memberi kesan kepada masyarakat setempat untuk membangunkan homestay. Kelemahan komunikasi ini berlaku disebabkan perbezaan budaya di antara tuan rumah dengan pelancong. Kelemahan ini menjadikan segala perancangan yang dilakukan oleh pihak pengurusan homestay tidak dapat disempurnakan dengan baik Schmidt-Rinehart & Knight (2004).

Isu yang berkaitan kemahiran komunikasi di kalangan operator homestay juga dibincangkan oleh Kidd et. al. (2004) mengenai salah faham di antara operator homestay dengan pelancong. Manakala isu berkaitan kemahiran berkomunikasi di antara operator homestay dengan pengurusan homestay dibincangkan oleh Arif Kamisan & Xiao (2013). Kelemahan kemahiran ini dikukuhkan dengan kajian yang dijalankan oleh Abdul Rasid, et. al. (2011) yang merujuk kepada pengurusan homestay dengan agen pelancongan. Norzaini et al. (2011) di dalam kajian beliau di Pulau Langkawi menegaskan kelemahan di dalam pembangunan komuniti adalah dari aspek komunikasi. Kajian ini melihat kelemahan yang timbul di dalam latihan adalah proses komunikasi yang ada di alam komuniti terutama apabila berhadapan dengan orang luar. Sehubungan itu, pembangunan pengetahuan terutama dari aspek komunikasi perlu dipertingkatkan dengan kaedah yang sesuai dengan tahap umur peserta.

Peningkatan kualiti latihan dilihat sangat perlu, hal ini turut perlu dipantau bukan hanya kepada pengisian latihan tetapi pemilihan tenaga pengajar juga penting. Menurut Whitelaw et.al. (2009), sekiranya terlalu ramai individu yang membekalkan latihan tanpa pengawalan kualiti perkhidmatan serta sasaran pelatih yang tidak tepat akan menyebabkan latihan yang dijalankan tidak berjaya. Manakala merujuk kepada Dirani (2017) adalah perlu untuk memastikan latihan yang diberikan merupakan latihan yang berkesan dan kaedah yang dilaksanakan merupakan kaedah yang tepat.

Selaras dengan itu jugalah, kajian ini dilakukan untuk mengkaji keperluan operator homestay dalam meningkatkan kemahiran diri mereka selaras dengan

keperluan pembangunan keupayaan kapasiti individu. Operator homestay perlu meningkatkan kemahiran perkhidmatan melalui latihan praktikal dan kursus-kursus tertentu yang bersifat kemahiran Hu et al. (2012), hal ini perlu agar latihan yang diterima oleh mereka akan membantu operator homestay membentuk pasukan untuk merancang dan melaksanakan program homestay Okazaki (2008) secara sistematik dan berkesan. Dalam usaha pembangunan keupayaan kapasiti, komitmen operator homestay perlu dijaga agar mereka mampu membentuk organisasi dan dalam masa yang sama komuniti homestay dapat dipertingkatkan kualitasnya.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah keperluan asas di dalam penerokaan yang dijalankan. Pada kelaziman yang biasa yang dilaksanakan, kajian yang berbentuk kualitatif akan melibatkan persoalan yang bersifat umum dan boleh diubah mengikut keperluan. Soalan-soalan ini akan berfungsi sebagai panduan untuk memudahkan proses penerokaan bagi memahami secara mendalam Marican (2009) dan dalam masa yang sama pengetahuan mengenai kajian akan lebih berkembang Othman (2007). Persoalan-persoalan kajian yang dibangunkan adalah seperti yang berikut:

- a) Sejauh mana latihan menerusi pendekatan orang dewasa diperlukan oleh operator homestay dalam pembangunan homestay?
- b) Apakah bentuk latihan yang sesuai diguna pakai kepada orang dewasa sepanjang latihan dijalankan
- c) Sejauh mana kursus sedia ada memberi kesan positif kepada operator homestay golongan dewasa dalam mengendalikan aktiviti di homestay?
- d) Bagaimana pendekatan latihan yang perlu disampaikan oleh penceramah kepada orang dewasa sepanjang menjalani kursus?
- e) Apakah perubahan yang berlaku kepada operator homestay selepas menjalani kursus?
- f) Sejauh mana tiga fasa perubahan membantu pembangunan kapasiti operator homestay?

1.4 Objektif

Secara umumnya, kajian mengenai pembelajaran orang dewasa di homestay merupakan satu keperluan untuk mendapatkan maklumat mengenai keperluan latihan berasaskan andragogi. Selain itu kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengetahui pasti keperluan latihan secara andragogi di kalangan operator homestay.
2. Menganalisis keberkesanan latihan yang telah diberikan kepada operator homestay (golongan dewasa) dalam mengendalikan aktiviti di homestay.
3. Menghubungkan Model Perubahan Lewin dengan pembangunan kapasiti komuniti bagi membantu perubahan pembangunan homestay

1.5 Skop Dan Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan mempunyai skop dan batasan yang perlu diambil kira. Kajian yang akan dijalankan lebih tertumpu kepada keperluan pembangunan keupayaan kapasiti individu di homestay. Ianya akan melibatkan keperluan latihan untuk meningkatkan kualiti pembangunan keupayaan kapasiti masyarakat homestay. Kajian akan merujuk kepada pendekatan Teori Perubahan Lewin menerusi perubahan berdasarkan kepada 3 fasa iaitu fasa pencairan, peralihan dan pembekuan semula. Malah kajian yang dijalankan menghubungkan kait dengan teori pembangunan keupayaan kapasiti dan pelaksanaan proses melalui teori perubahan Lewin menerusi latihan yang diberikan oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta kepada operator homestay. Penerimaan latihan dari operator homestay dinilai dari segi keperluan pembelajaran secara andragogi yang melibatkan ciri-ciri, keperluan dan cara pelaksanaan. Penumpuan akan melihat sejauh mana pelaksanaan yang telah dilakukan dan hala tuju pembangunan latihan.

Kajian ini lebih merujuk kepada keperluan, kehendak dan kesesuaian golongan dewasa dalam mendapatkan ilmu pengetahuan untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang hospitaliti sejajar dengan pembangunan keupayaan kapasiti individu untuk membangunkan keupayaan kapasiti masyarakat homestay. Peringkat umur responden akan diambil kira kerana golongan dewasa memerlukan pendekatan yang berbeza berbanding dengan golongan muda. Malah pendekatan yang bersesuaian sangat diambil kira bagi memastikan latihan yang diberikan adalah berkesan. Kumpulan sasaran yang akan terlibat di dalam kajian ini akan dilibatkan dengan sesi temu ramah yang mana ianya akan melibatkan kumpulan perancang seperti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), Institut Kemajuan Luar Bandar dan Desa (INFRA) yang membekalkan kursus berserta penyelaras homestay di homestay yang terpilih dan kumpulan pelaksana homestay iaitu operator homestay itu sendiri.

Kajian ini hanya tertumpu pada beberapa homestay sahaja di Malaysia. Malah pemilihan setiap homestay hanya mewakili negeri kecuali Pulau Pinang dan Perak. Walaupun pengkaji mengakui bahawa seharusnya kajian dilakukan kepada lebih banyak homestay namun berdasarkan kepada kekangan masa dan sumber-sumber lain, pengkaji telah memutuskan membataskan kajian dengan hanya melibatkan 50 responden yang mewakili tiga pihak iaitu kumpulan perancangan latihan, kumpulan penyelaras homestay dan kumpulan pelaksana aktiviti homestay. Pendekatan kajian yang dilaksanakan adalah menerusi kajian secara kualitatif, iaitu menerusi kaedah cerita, pandangan dan maklum balas daripada responden kajian. Kumpulan responden kajian ini merupakan sumber utama dalam kajian yang dijalankan. Di samping itu, penambahan pendekatan kajian menerusi pemerhatian dan pengalaman pengkaji juga dilakukan. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan merupakan kajian yang dilakukan secara subjektif dan sukar untuk diukur menerusi pendekatan secara kuantitatif.

Selain dari itu, responden kajian merupakan individu atau kumpulan yang disarankan oleh penyelaras setiap homestay. Walaupun beberapa kriteria telah ditetapkan, namun pihak pengkaji terpaksa akur apabila jumlah responden yang hadir tidak sama pada setiap homestay. Pengkaji perlu melakukan sesi temu bual sama ada dalam bentuk individu dan terdapat juga proses temu bual secara kumpulan kecil iaitu 2 – 5 orang dalam satu masa. Pengkaji perlu memahami sensitiviti komuniti luar bandar sekiranya ingin meminta sesi temu bual secara satu dengan satu, sedangkan mereka telah hadir secara berkumpulan. Situasi ini secara tidak langsung telah membantu pengkaji mengukuhkan pandangan yang diberikan oleh mana-mana responden, bahawa maklumat yang diberikan adalah tepat dan benar.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan mempunyai kepentingan yang tersendiri kepada pelbagai pihak. Menerusi dapatan dan perbincangan yang dilakukan, pelbagai penambahbaikan boleh dilakukan sama ada dari aspek pengurusan ataupun dari segi pelaksanaan. Kajian ini memberi implikasi dan penambahan nilai kepada beberapa pihak yang berkaitan. Pertama, agensi kerajaan dan swasta yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak secara langsung dengan industri pelancongan homestay. Kedua, kajian ini berkepentingan untuk pembangunan dan operasi homestay. Ketiga, kajian ini membantu dari segi kajian ilmiah mengenai pembangunan homestay dari aspek latihan untuk memastikan berlakunya proses perubahan kepada pembangunan kapasiti homestay. Pelaksanaan penambahbaikan dilihat perlu merujuk kepada beberapa aspek iaitu proses perubahan komuniti dan individu menerusi pembangunan kapasiti. Sehubungan itu, proses latihan ditekankan menerusi pendekatan yang bersesuaian dengan orang dewasa agar ilmu yang diterima membantu proses perubahan berlaku dengan lancar.

Kepentingan kajian dari aspek kepentingan agensi kerajaan dan swasta dilihat terutama dalam aspek pembangunan kapasiti komuniti. Kajian ini melihat keperluan pembangunan kapasiti komuniti dilakukan dari aspek pembangunan menyeluruh menerusi proses perubahan. Proses perubahan ini meliputi tiga fasa (pencairan, peralihan dan pembekuan semula) bagi memastikan ia berlaku dengan baik menerusi pengukuhan sendiri di kalangan operator homestay. Proses perubahan membantu pelbagai agensi untuk merancang pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan setempat. Proses pembangunan kapasiti banyak merujuk kepada proses perubahan di peringkat fasa pertama iaitu pencairan. Di sini proses untuk memastikan kejayaan pembangunan kapasiti komuniti memerlukan sumbangan dari pelbagai aspek antaranya adalah latihan. Setiap individu perlu mempunyai asas yang kukuh dalam kemahiran dan pengetahuan bagi membangunkan komuniti yang berjaya menerusi proses pencairan. Sehubungan itu, dari aspek homestay latihan yang diberikan perlu mempunyai pendekatan yang bersesuaian dengan operator homestay agar proses peralihan dilakukan dengan baik. Malah kebanyakan operator homestay adalah terdiri dari golongan orang dewasa yang berumur 40 tahun dan ke atas. Keperluan pendekatan latihan secara andragogi dilaksanakan agar ia lebih mudah difahami dan dalam masa yang sama menjadikan pengetahuan yang ada sebagai laluan kejayaan di dalam operasi homestay.

Pendekatan andragogi dalam kajian yang dirancang merujuk kepada teori andragogi yang meliputi enam prinsip andragogi boleh membantu pelbagai pihak untuk membangunkan modul dalam memastikan setiap latihan yang diberikan kepada golongan dewasa mampu menjadikan latihan yang dijalankan secara sistematik dan berkualiti. Pelbagai pihak akan mendapat manfaat dari kajian yang dijalankan di mana mereka boleh merujuk dapatan yang diperoleh keperluan yang diperlukan oleh golongan dewasa di homestay bagi memastikan latihan yang diterima oleh mereka bersesuaian dengan keperluan mereka. Pelbagai kementerian seperti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) Institut Kemajuan Desa (INFRA), agensi-agensi lain yang berkaitan dalam memberi latihan kepada operator homestay sama ada secara langsung atau tidak langsung boleh menggunakan input kajian yang telah dilaksanakan ini bagi melakukan penambahbaikan bentuk latihan yang sedia ada. Dalam masa yang sama, kebaikan

dapat dikongsi bersama bermula dari operator homestay sehingga ke komuniti setempat. Malah menerusi kajian yang dijalankan, ianya boleh menjadi sumber kajian saintifik dalam melakukan penambahbaikan pembangunan industri pelancongan yang berasaskan komuniti.


Kepentingan kajian kedua dilihat dari aspek kepentingan pembangunan dan operasi homestay. Perancangan yang teliti dalam proses perubahan membantu proses pembangunan operasi homestay. Pengetahuan dan kemahiran yang diberikan dengan kaedah yang betul membantu operator homestay untuk mengendalikan operasi homestay dengan sebaik mungkin. Pelbagai produk pelancongan baru yang sedia ada di homestay mampu dibangunkan menerusi keberkesanan latihan untuk menarik kehadiran pelancong. Perubahan ini merupakan fasa peralihan yang perlu bagi mengukuh pembangunan kapasiti. Operasi homestay mampu dipertingkatkan menerusi pembangunan infrastruktur bagi memperkukuhkan proses perubahan yang telah dilaksanakan. Menerusi kajian ini, pengetahuan yang diperoleh membantu proses perancangan pembangunan operasi homestay agar segala yang dirancang mampu berjalan dengan lancar.

Kepentingan ketiga merupakan peningkatan pengetahuan ilmiah. Banyak kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini yang membuat kajian mengenai pembangunan kapasiti dan aktiviti homestay. Namun kajian yang dijalankan lebih merujuk kepada penerimaan pelancong kepada aktiviti homestay, kelestarian homestay, latihan, pelancongan berasaskan komuniti dan pembangunan kapasiti komuniti. Kepentingan kajian ini adalah merujuk kepada kepentingan memberi latihan menerusi pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan orang dewasa sejajar dengan majoriti operator homestay yang berumur 40 tahun dan ke atas. Malah kajian ini memperlihatkan satu keperluan untuk menghubungkan proses pembangunan yang berterusan. Kajian ini melihat proses perubahan yang menggunakan Teori Perubahan Lewin dengan mengukuhkan tapak pembangunan homestay dari proses memberi latihan yang menggunakan pendekatan andragogi, diikuti dengan pembangunan homestay. Operator homestay perlu melihat industri

pelancongan homestay merupakan industri yang membantu meningkatkan pendapatan mereka dan akan menjadikan ia sebagai kerjaya yang menguntungkan.

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep dalam kajian kualitatif adalah satu kerangka yang tidak tetap dan boleh dilakukan perubahan. Kerangka konsep ini hanyalah berperanan sebagai asas dalam penerokaan kajian yang dijalankan dan ia boleh berkembang selaras dengan perkembangan kajian terutama kajian yang bersifat induktif Othman (2007). Selain dari itu, kajian kualitatif ini bukanlah kajian yang digunakan untuk menguji konsep ataupun teori yang sedia ada, sebaliknya kajian kualitatif berperanan untuk mengumpul segala maklumat dan dapatan dari pelbagai aspek dan memahami konsep dan teori yang sedia ada. Kerangka konsep pada Rajah 1.1 mengandungi beberapa komponen iaitu Kapasiti Individu bagi operator homestay yang dilihat sangat penting kerana mereka adalah aset utama dalam pembangunan homestay, Pendidikan sepanjang hayat yang melibatkan pendidikan dilakukan secara formal ataupun tidak formal, bentuk latihan, prinsip andragogi dan keberkesanan latihan. Kerangka konsep ini juga menunjukkan proses perubahan yang menggunakan Teori Perubahan Lewin untuk menjelaskan bahawa proses perubahan bukan hanya memastikan operator itu mengubah cara hidup mereka tetapi lebih merujuk kepada proses memberi pengukuhan awal dengan memberi kefahaman yang jelas tujuan perubahan ingin dilakukan. Ia diteruskan sehingga operator homestay melihat tindakan yang dilakukan merupakan usaha yang mampu memberikan pulangan yang baik kepada mereka bukan hanya pada aspek kewangan tetapi ia meliputi aspek kelestarian dan keharmonian di dalam pembangunan kapasiti.



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian

1.8 Struktur Tesis

Tesis ini mengandungi lima bab iaitu bab pertama; pendahuluan, bab kedua; sorotan kajian, bab ketiga; metodologi kajian, bab keempat; dapatan kajian, bab kelima; perbincangan pembangunan kapasiti individu menerusi pendidikan orang dewasa (andragogi), implikasi dan kesimpulan.

i. Bab Satu : Pendahuluan

Bab ini merupakan bab awal dalam kajian. Penulisan di dalam bab ini adalah merujuk kepada pengenalan, latar belakang permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian dan kesimpulan.

ii. Bab Dua : Sorotan Kajian

Bab dua dalam kajian yang dijalankan adalah merujuk kepada penulisan sorotan kajian. Bab ini melibatkan proses penelitian kepada dapatan-dapatan kajian yang telah dilakukan oleh ramai penulis sebelum ini. Ia juga merujuk kepada konsep, teori dan juga model yang mempunyai kaitan dengan kajian yang dijalankan. Pada bab ini, fokus kajian meliputi 4 aspek iaitu pelancongan, pembangunan keupayaan kapasiti, pendidikan orang dewasa, dan pembangunan homestay menerusi model perubahan Lewin. Bab ini sangat penting dalam kajian yang dijalankan kerana ia memberi kefahaman kepada pengkaji berkaitan dengan isu dan masalah dalam kajian yang dilaksanakan dan secara tidak langsung ia membantu pengkaji untuk proses pembincangan dalam bab lima.

iii. Bab Tiga : Metodologi Kajian

Bab ketiga ini merujuk kepada metodologi kajian. Bab ini membincangkan dengan jelas proses kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang mana ia merangkumi kepada pengenalan, paradigma penyelidikan, reka bentuk kajian, pemilihan tempat kajian, pemilihan responden kajian, pembangunan instrumen kajian, prosedur penganalisan data, kesahan, kebolehpercayaan dan kesimpulan.

iv. Bab Empat : Dapatan Kajian

Bab empat ini merujuk kepada dapatan kajian yang telah dijalankan. Perbincangan pada bab ini merujuk kepada dapatan yang telah dianalisis oleh pengkaji untuk dibentangkan di dalam penulisan. Perbincangan berfokus kepada tema-tema yang telah dibentuk bersama dengan sub-sub tema yang diperoleh sepanjang proses analisis dapatan dilakukan. Kaedah penulisan dalam bab ini adalah merujuk kepada maklum balas yang diterima oleh pengkaji sepanjang sesi temu bual di lapangan dilakukan. Malah penulisan ini juga merujuk kepada sumber dokumen-dokumen lain bersama dengan pengalaman pengkaji sepanjang proses kajian dilakukan di lapangan.

v. Bab Lima : Perbincangan dan Implikasi

Bab lima ini merujuk kepada perbincangan yang dilakukan secara ilmiah dengan merujuk kepada sorotan kajian yang telah dijalankan. Fokus perbincangan yang dilakukan adalah berdasarkan pembangunan kapasiti individu menerusi keberkesanan latihan yang diberikan terhadap golongan dewasa di homestay. Malah pada bab ini membincangkan mengenai implikasi kajian dari aspek teori, amalan dan metodologi kajian. Cadangan dan saranan kepada pihak yang berkepentingan dalam pembangunan latihan menerusi pendidikan orang dewasa merupakan sebahagian dari bab ini. Rajah 1.2 merupakan carta alir penyelidikan bagi menunjukkan keseluruhan gambaran struktur kajian ini dijalankan.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar, D., Ab.Halim, T., Supyan, H., & Mohd Aderi, C. N. (2015). Penilaian Keberkesanan Kursus Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam Institusi Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Journal Kepimpinan Pendidikan*, 2(3), 1–14.
- Abdul Rasid, A. R., Mohamad Zaid, M., Ali, S., Razali, H., Amran, H., & Zainab, K. (2012). Community Capacity Building for Sustainable Tourism Development : Experience from Miso Walai Homestay. *Business and Management Review*, 2(5), 10–19.
- Abdul Rasid, A. R., Mohamad Zaid, M., Syed Shikh, S. A. K., Amran, H., Zainab, K., & Nor Haniza, M. (2011). Community Capacity Building: Lessons From Miso Walai Homestay. *WEC 2011 Ecotourism Research Symposium*, 86–88.
- Abdul Rasid, A. R., Mohd Yusop, H., Mohamad Zaid, M., Amran, H., Zainab, K., & Nor Haniza, M. (2011). Local Community Participation in Homestay Program Development in Malaysia. *Journal of Modern Accounting and Auditing*, 7(12), 1418–1429.
- Abdull Sukor, S., Mohd Izam, G., Nurahimah, M. Y., & Mohd Isha, A. (2016). Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar dan Masalah yang dihadapi Guru-Guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru Untuk Mengamalkan Pedagogi berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. In *International Seminar on Generating Knowledge Through Research (ICECRS), UUM-UMSIDA* (Vol. 1, pp. 599–608).
- Achaliya, R. B., & Agarwal, P. (2016). Impact of Soft Skills Training Versus Technical Skills Training on Work Efficiency of Professionals - Comparative Analysis. *IJLTEMAS*, V(Ii), 31–33.
- Acharya, B. P., & Halpenny, E. a. (2013). Homestays as an Alternative Tourism Product for Sustainable Community Development: A Case Study of Women-Managed Tourism Product in Rural Nepal. *Tourism Planning & Development*, (June 2013), 1–21. <http://doi.org/10.1080/21568316.2013.779313>
- Adesina, K. I., & Chinonso, I. (2015). Service delivery and customer satisfaction in hospitality industry : A study of the Divine Fountain Hotels Limited , Lagos , Nigeria. *Journal of Hospitality and Management Tourism*, 6(1), 1–7. <http://doi.org/10.5897/JHMT2015.0139>
- Aguinis, H., & Kraiger, K. (2009). Benefits of Training and Development for Individuals and Teams, Organizations and Society. *Annual Review of Psychology*, 60, 451–474. <http://doi.org/10.1146/annurev.psych.60.110707.163505>
- Ahmad Nazrin, A. A., & Nur Adila Amira, M. S. (2017). Community Based Tourism: Understanding, Benefits and Challenges. *Journal of Tourism & Hospitality*, 6(1). <http://doi.org/10.4172/2167-0269.1000263>

- AIDS Support and Technical Assistance Resources. (2011). *Organizational Capacity Building Framework : A Foundation for Stronger , More Sustainable*.
- Amin, A., Salleh, A. M. M., Muda, M. S., Ahmad, N., & Ibrahim, Y. (2013). Modeling Quaity of Life and Life Satisfaction Amongst Homestay Program Participants in Malaysia. *The International Journal of Social Sciences*, 7(1), 194–204.
- Amirafiza Zaitun, M. J., Muhammad Faizal, A. G., & Faisol, E. (2016). Keberkesanan Pengajaran Guru Tadika: Satu Kajian Awal. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4), 72–95.
- Amran, H. (2010). *Malaysian Homestays From the Perspective of Young Japanese Tourists : The Quest for Furusato* (Vol. 2).
- Amran, H., & Zainab, K. (2009). *Handbook on Community Based Tourism: “How to Develop and Sustain CBT.”*
- Anuwar, A. (2005). Lifelong Learning : Policy of Malaysia and The Role of OUM. In *Seminar Organised by Korea National Open University*.
- Aref, F. (2011a). Capacity Development of Community Organizations for Tourism Development and Planning in Shiraz, Iran. *Journal of Human Ecol*, 33(3), 197–201.
- Aref, F. (2011b). Sense of Community and Participation for Tourism Development. *Life Science Journal*, 8(1), 20–25.
- Aref, F., & Ma’rof, R. (2008). Tourism Development for Community Capacity Building and Community Development. *TEAM Journal of Hospitality & Tourism*, 5(1), 68–72.
- Aref, F., & Ma’rof, R. (2009). Community Capacity Building for Tourism Development. *Journal Human Ecology*, 27(1), 21–25.
